

## Lembaran Maklumat Produk – Pembiayaan Semula Kredit Eksport -i

<p><b>LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK</b></p> <p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima produk Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada Bank Islam jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau syarat am.</p>	<p>Bank Islam Malaysia Berhad</p> <p><b>Pembiayaan Semula Kredit Eksport -i (ECR-i)</b></p> <p style="background-color: yellow; border: 1px solid black; padding: 2px;">&lt;Tarikh&gt;</p>
--	--

### 1. Apa Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i?

ECR-i adalah kemudahan yang ditawarkan:

- ✓ Untuk memudahkan pembiayaan bagi pembelian/import bahan mentah/barangan siap/pembayaran kos pengeluaran pelanggan berkaitan dengan eksport barang yang layak di bawah Skim **Pra-penghantaran ECR** Bank EXIM.
- ✓ Untuk memudahkan pembiayaan bagi eksport barang pelanggan yang layak kepada pembeli/pengimport yang diluluskan di bawah **Skim Pasca Penghantaran ECR** Bank EXIM.

### 2. Apakah kontrak/ konsep Syariah yang digunakan?

Kontrak	Penerangan	Kegunaan
<b>Murabahah</b> (harga kos dan margin keuntungan)	Kontrak jualan berdasarkan kos ditambahkan dimana kos perolehan dan margin keuntungan penjual didedahkan kepada pembeli pada masa kontrak. Penyelesaian harga biasanya dibuat secara pembayaran tertunda.	<u>ECR-i pra-penghantaran</u> Di bawah Murabahah, Bank melantik pelanggan sebagai ejen pembeliannya untuk membeli bahan mentah yang diperlukan dalam pengeluaran. Setelah pelanggan membeli barang tersebut bagi pihak Bank, Bank kemudian membayar kepada pembekal secara tidak langsung setelah menyerahkan invois dan menjual kembali barang tersebut kepada pelanggan pada harga tertentu termasuk margin keuntungan.
<b>Bai'Dayn</b> (pembelian hutang)	Ia merujuk pembelian dan penjualan instrumen hutang, contohnya, sijil, sekuriti, dokumen dan kertas perdagangan di pasaran peringkat kedua yang menepati keperluan Syariah. Semua dokumen ini pada dasarnya dikeluarkan oleh pengutang kepada pemutang sebagai bukti keberhutangan. Bai 'Dayn berlaku apabila pemutang menjual dokumen hutang kepada pihak ketiga. Hanya dokumen yang membuktikan hutang sebenar yang timbul daripada	<u>ECR-i Pasca-penghantaran</u> Di bawah mekanisme ini, pelanggan, sebagai pemilik bil eksport, contohnya, instrumen hutang, melantik Bank sebagai ejen pemungut untuk memungut bayaran daripada pengimport. Oleh sebab bayaran boleh dibayar pada tarikh akan datang yang ditentukan, pengeksport menjual hutang kepada Bank untuk mendapatkan dana segera.

	urus niaga perdagangan ‘bona fide’ boleh diperdagangkan.	
--	---	--

- ✓ Aset yang layak adalah mengikut aset Bank yang layak di bawah produk dan/atau yang disenaraikan di bawah program pembiayaan masing-masing.

### 3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

✓ Kemudahan ini dapat membantu membiayai keperluan modal kerja perniagaan/syarikat anda dengan membiayai pembelian/penjualan barang anda, dengan pembayaran yang ditunda sehingga tarikh matang.	
✓ Jumlah amaun kemudahan	Jumlah pembiayaan yang diluluskan tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh Bank EXIM.
✓ Margin pembiayaan	Sehingga 100% nilai invois.
✓ Tempoh	Pra-penghantaran - maksimum 4 bulan (120 hari) Pasca- penghantaran – Pembayaran segera 2 bulan (60 hari) & usans 6 bulan + 3 hari (183 hari)
✓ Kadar pembiayaan Bank	Kadar pembiayaan ditentukan oleh Bank EXIM dari semasa ke semasa. Bank boleh menambah margin maksimum 1% ke atas kadar tersebut.

### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- ✓ Pada tarikh cukup tempoh pembayaran, anda perlu membayar harga jualan Bank serta fi dan caj yang berkaitan.

### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- ✓ Duti Setem (seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989]).
- ✓ Yuran dan Komisen.
- ✓ Caj SWIFT/Rentas (Jika ada)
- ✓ Bayaran pos and Perkhidmatan Kiriman Cepat (Jika ada).
- ✓ Pembatalan kemudahan - anda harus membayar semua kos kepada Bank (jika ada)

**Nota:** Sila rujuk laman web kami di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

### 6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- ✓ Jika anda gagal memenuhi tanggungjawab pelanggan tepat pada masanya:-:-

▪ **Pelanggaran Janji (Wa`d)**

Pelanggan perlu membayar gantirugi kepada pihak Bank untuk apa-apa kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak Bank disebabkan oleh pelanggaran janji (Wa`d) dan akuanji yang dibuat untuk membeli aset terbabit dari pihak Bank.

▪ **Sekiranya berlaku kemungkiran**

- a. Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran, Bank boleh melalui notis bertulis kepada pelanggan, meminta pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada pelanggan dan/atau penjamin;
- b. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam deposit dan/atau akaun pelaburan pelanggan yang diuruskan oleh Bank terhadap sebarang bayaran tertunggak di bawah

pembiayaan ini;

- c. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya pelanggan gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Sebarang sekuriti (cagaran) yang dicagarkan kepada Bank (seperti harta tanah, jentera dan lain-lain (aset) boleh disita/ditarik dan anda perlu menanggung semua kos yang berkaitan dalam penjualan aset tersebut. Pelanggan juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembayaran selepas aset tersebut dijual; Tindakan undang-undang terhadap pelanggan boleh memberi kesan kepada penarafan kredit pelanggan yang membawa kepada penilaian kredit masa depan yang lebih sukar atau mahal untuk anda.
  
- d. Mencetuskan kemungkinan bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank atau lain-lain institusi kewangan

▪ **Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan Ta'widh (Gantirugi) ke atas anda seperti berikut :-

- a. Sebelum tarikh matang kemudahan  
Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh.
  
- b. Selepas tarikh matang kemudahan  
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalamannya harian Pasaran Wang Antara Bank Islam dikira ke atas baki tertungggak setelah ditolak Ibra' (jika ada);
  
- c. Hutang selepas pertimbangan  
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalamannya harian Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

**Nota :** Pengenaan Ta'widh hendaklah mengikut tatacara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

- ✓ Perlindungan tidak diwajibkan. Namun begitu anda atau pembekal anda dinasihatkan untuk melanggar perlindungan Takaful yang sesuai.

**8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- ✓ Penjamin atau cagaran tidak diperlukan untuk kemudahan ini.

**9. Apakah risiko utama saya?**

- ✓ Sekiranya anda gagal menyelesaikan ECR-i yang telah matang, anda tidak dibenarkan menggunakan kemudahan ini dan proses mendapatkan kembali termasuk proses undang-undang boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan kembali amaun yang perlu dibayar. Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembayaran anda, hubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran.

**10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?**

- ✓ Anda perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan pada maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat tepat pada masanya.

## 11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian?

- ✓ Jika anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan pembayaran kemudahan, anda perlu menghubungi Bank secepat mungkin untuk berbincang tentang pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi Bank di:-

***Operasi Perdagangan***

***Bank Islam Malaysia Berhad***

Tingkat 13, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2782 1078/ 1089/ 1087/ 1086  
Faks: 03-2782 1346

Atau

***Perbankan Instititusi Kumpulan***

***Bank Islam Malaysia Berhad***

Tingkat 27, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur  
Relationship Manager: **(to be filled by our RM's)**

Tel: **(to be filled by our RM's)**

Faks: 03-2726 7818

E-mel: **(to be filled by our RM's)**

Atau

***Perbankan PKS***

***Bank Islam Malaysia Berhad***

Tingkat 29, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: **(to be filled by our RM's)**

E-mel: **sme-assist@bankislam.com.my**

- ✓ Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

***Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan***

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 17, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26 900 900  
Faks: 03-2782 1337  
E-mel: [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

- ✓ Untuk PKS, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan menyediakan perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstruktur hutang secara percuma. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6,  
Menara Bumiputra Commerce  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Tel: 603 -2616 7766  
Faks: 603 -2616 7601  
Laman web: apk.org.my

- ✓ Jika Bank tidak memberikan penyelesaian yang memuaskan terhadap pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## **12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- ✓ Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut megenai ECR-i, sila rujuk cawangan kami atau hubungi:

**Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**  
*Bank Islam Malaysia Berhad*  
*Tingkat 17, Menara Bank Islam,*  
*No. 22, Jalan Perak,*  
*50450 Kuala Lumpur.*  
*Tel: 03-26 900 900*  
*E-mel: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)*  
*[www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)*

## **13. Apakah pakej kemudahan perdagangan lain yang disediakan?**

1. Tawarruq Perdagangan-i
2. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Belian)
3. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan)
4. Surat Kredit-i
5. Surat Pemindahan Kredit-i
6. Jaminan Perkapalan-i
7. Jaminan Bank-i



- 8. Bil Penerimaan-i (Jualan)
- 9. Bil Penerimaan-i (Belian)
- 10. Bil Pertukaran Belian-i
- 11. Pungutan Berdokumen-i
- 12. Surat Kredit Persediaan-i

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

**Nota:**

1. Perkara di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan/atau caj mungkin berbeza dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank Islam.
2. Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah setakat 18/10/2023.

Pengesahan Terima oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: